

23 APR 2001

Parlimen-Bahas

KERAJAAN DISARAN KAJI SEMULA PENDEKATAN UNTUK BANGUNKAN MPPB

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan hari ini mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula pendekatan yang bakal digunakan dalam usaha membangunkan Masyarakat Perdagangan Dan Perindustian Bumiputera (MPPB) supaya relevan dengan arah aliran pembangunan industri masa kini.

Datuk Ahmad Husni Hanadzlah (BN-Tambun) berkata dasar yang dibuat oleh kerajaan bagi membangunkan MPPB dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) itu sebenarnya tidak banyak berubah daripada pendekatan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) kecuali dalam menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Dan Komunikasi serta Institut Keusahawanan Negara.

Menurutnya, langkah itu sebenarnya hanya akan menyebabkan kerajaan terus menggunakan pendekatan lama yang kurang sesuai bagi MPPB menghadapi era globalisasi yang lebih mencabar.

"Kita perlu lihat daripada sudut yang lebih realistik sebab untuk membangunkan usahawan yang berjaya bukannya mudah," kata beliau ketika membahaskan usul RMK8 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini.

Husni berkata jika dilihat daripada segi sejarah, penyertaan usahawan Bumiputera dalam sektor komersil sebenarnya tidak begitu gemilang berbanding kaum lain di negara ini.

Katanya, tidak banyak usahawan Bumiputera yang berwibawa, malah banyak yang sebenarnya masih bergantung kepada kerajaan.

Husni berkata pendekatan itu perlu dikaji semula terutamanya apabila arah aliran dalam sektor industri kini lebih condong ke arah penggabungan syarikat bagi membentuk entiti yang lebih besar.

Beliau mencadangkan supaya kerajaan memanfaatkan kewujudan masyarakat pelbagai kaum di negara ini yang memiliki kepakaran dan keistimewaan masing-masing sebagai satu formula pembentukan syarikat yang lebih berdaya saing dan dalam masa yang sama membantu sesama sendiri.

"Sebagai contoh, kaum Melayu mempunyai hak-hak istimewa manakala kaum Cina terbukti memiliki 90 peratus rahsia perniagaan yang berjaya, mengapa tidak digabungkan keistimewaan-keistimewaan ini bagi menghasilkan kejayaan bersama," kata beliau.

Menurutnya, dengan perkongsian antara Melayu dan Cina atau India secara 50-50, 40-60 atau 30-70 pun, sekurang-kurangnya dapat membantu MPPB mencapai pemilikan ekuiti yang lebih banyak dan stabil.

Dengan cara itu, ia lebih menguntungkan dan mempercepatkan pembangunan usahawan Bumiputera daripada membenarkan pemilikan ekuiti 100 peratus kepada syarikat Bumiputera yang sebenarnya tidak berkeupayaan untuk mencapai kemajuan.

Mengenai pembangunan ICT, beliau berkata ia perlu memberi penekanan kepada sistem pendidikan dan latihan yang dapat menghasilkan pelajar yang mampu bersaing dalam pasaran antarabangsa.

Katanya kerajaan perlu mengutamakan pendekatan yang strategik misalnya dengan mengambil tenaga luar yang berkebolehan atau menghantar lebih ramai pelajar ke luar negara bagi memastikan rakyat tidak ketinggalan dalam pengetahuan mengenai bidang berkenaan.

Beliau turut menyentuh tentang perlunya penjagaan alam sekitar dalam program pembangunan yang drancang.

"Dalam Rancangan Malaysia Kelapan pihak kerajaan perlu melihat kepada pembangunan industri yang mengimbangkan keperluan alam sekitar bagi

memastikan alam sekitar terus terjaga," katanya.
Persidangan dewan disambung esok.

-- BERNAMA
NHA MS NMO